



PENGURUSAN kanan AeU bersama 12 Rektor Universitas Muhammadiyah dan pegawai tinggi Pusat Pemimpinan Muhammadiyah selepas upacara MoU

Experience
the collective
EXPERTISE
of 34 countries

AeU
asiauniversity

Hamidah Badran
hamidah@metro.com.my

AsiaUniversity (AeU) terus mendapat sokongan padu institusi pengajian tinggi luar negara dengan termeterai memorandum persfahaman (MoU) bersama 12 institusi pengajian tinggi (IPT) Indonesia di Kampus Utama AeU di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dua bekas IPT itu ialah Universitas Muhammadiyah Jakarta, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Universitas Muhammadiyah Malang, Universitas Muhammadiyah Palembang, Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Universitas Muhammadiyah Makassar, Universitas Muhammadiyah Semarang, Universitas Muhammadiyah Surabaya, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamba dan Universitas Ahmad Dahlan.

MoU itu bakal mengukuhkan hubungan kerjasama antara AeU dengan Konsortium 12 Universitas Muhammadiyah yang

memberi manfaat kepada semua institusi terbabit. Antara aktiviti bersama yang akan dilaksanakan ialah program akademik, projek penyelidikan dan pembangunan, bengkel dan latihan program 'in bound' dan 'out bound' dalam kalangan pelajar serta kakitangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AeU, Profesor Datuk Dr. Ansary Ahmed berkata, kolaborasi itu dapat menghasilkan pelan tindakan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada AeU dan Konsortium 12 Universitas Muhammadiyah, tapi Malaysia serta Indonesia.

"Melalui kerjasama ini, kedua-dua pihak dapat meneroka ruang dalam bidang akademik, penyediaan modal insan dan kepakaran bidang tertentu.

"AeU sentiasa komited dalam mengembang dan memajukan program pengajian yang ditawarkan kepada institusi luar yang berminat, malah kami juga akan meneruskan usaha dalam

AeU meterai MoU dengan 12 universiti

Langkah buka peluang graduan Indonesia lanjut pelajaran di universiti e-learning terulung di Asia



AeU terer fokus pendidikan tertiar untuk semua golongan masyarakat

memperkuatkan dan mengangkat reputasinya sebagai pelopor kepada pengajian serta penyelidikan berasaskan e-learning," katanya.

Beliau yakin kaedah pembelajaran e-learning bakal mendominasi trend pendidikan di Asia tidak lama lagi.

Hadir sama menandatangani MoU bagi pihak AeU ialah Timbalan Presidennya, Profesor Dr. Hairudin Harun manakala bagi pihak Konsortium Muhammadiyah pula ialah rektor 12 universiti berkenaan serta Pengurus dan pegawai tinggi Pusat Pimpinan Muhammadiyah.

"Saya berharap melalui MoU ini, AeU akan menjadi destinasi popular pengajian tinggi untuk penuntut lepasan ijazah dari Indonesia," kata Dr. Hairudin.

AeU adalah sebuah universiti multinasional yang ditubuhkan di bawah naungan 34 negara Asia Cooperation Dialogue (ACD).

Sejak penubuhannya pada 2007, AeU melakar reputasinya sebagai satu daripada institusi e-learning terulung di Asia.

Selaku institusi pendidikan terbuka jarak jauh (ODL), AeU fokus dalam menawarkan pendidikan tertiar untuk semua golongan masyarakat melangkaui faktor demografi.

Selaku ahli ACD yang diamanahkan untuk memartabatkan aspek e-pendidikan di rantau ini, AeU mendepani cabaran dan kini mampu berdiri teguh dan berbangsa dengan penerimaan yang semakin baik terutama di Asia.

Dasar keterbukaan dalam pembelajarannya juga menjadikan AeU pilihan terbaik bagi pelbagai peringkat usia dan kerjaya untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi.

Selapas hampir 10 tahun beroperasi, AeU sudah

melebarkan sayapnya ke negara ahli ACD seperti China, India, Pakistan, Sri Lanka, Kemboja, Vietnam, Myanmar, Indonesia, Singapura, Thailand, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Bangladesh, Maldives serta ke negara bukan ahli ACD seperti Denmark, New Zealand, Hong Kong, Namibia, Kenya, Nigeria, Somalia, Yaman, Mauritius dan United Kingdom.

AeU menawarkan hampir 50 program akademik, daripada peringkat diploma hingga doktor falsafah yang mematuhi piawai antarabangsa, diluluskan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) dan memperoleh akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta turut dikirif negara ahli dan bukan ahli ACD.

Ketika ini, AeU mempunyai lokasi pembelajaran di Melaka, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuantan, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Ipoh dan beberapa bandar lain.

Terbaru AeU juga menambah beberapa lokasi pembelajaran di pekan pekan kecil di Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut, lawati www.aeu.edu.my atau hubungi talian bebas tol 1-300-300-238.